

UM 3 0 MAR 2002 PM minta Bill Gates kurangkan

SHAH ALAM 29 Mac - Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau telah meminta Pengasas dan Pengerusi Microsoft Corp., Bill Gates supaya mengurangkan harga perisian Microsoft bagi mengelakkan jurang perbezaan yang terlalu besar berbanding perisian tiruan.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, perkara itu adalah di luar hak Bill Gates untuk berbuat demikian kerana ia menjadi kepunyaannya.

Sungguhpun begitu Dr. Mahathir berkata, Bill Gates

bersedia memberi kerjasama berhubung perkara itu dan sedang berusaha untuk mengurangkan jurang perbezaan harga perisian Microsoft.

"Tetapi itu hak dia dan dia pun bekerjasama untuk mengurangkan harga dan kini sedang cuba mengurangkannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor dan melancarkan Buletin BN Selangor di Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri, di Seksyen 7 di sini hari ini.

harga perisian Microsoft

Semasa menjawab pertanyaan mengenai rayuan penyanyi Siti Nurhaliza mengenai kegiatan cetak rompak, Perdana Menteri berkata, usaha membanteras kegiatan itu bukanlah sesuatu yang mudah.

Menurutnya, kerajaan serius dalam perkara tersebut termasuk memperbesarkan lagi Kementerian Dalam Negeri bagi membolehkan tindakan merampas serta menangkap pihak terbabit dilakukan.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan juga tidak membenarkan

cakera padat cetak rompak dijual di pasar-pasar malam.

Menurutnya, kerajaan sedar tentang masalah yang dihadapi oleh golongan artis berikutan tindakan cetak rompak tersebut.

Dr. Mahathir berkata, dalam usaha membanteras kegiatan cetak rompak itu mungkin terdapat sedikit kelemahan termasuk ada pegawai yang tidak jujur.

▼